

13 NOV 1997

Resolusi

KEDUDUKAN DRAF RESOLUSI MENGENAI DR MAHATHIR BELUM DIPUTUSKAN

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 13 Nov (Bernama) -- Usul resolusi mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diperkenalkan oleh anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) masih tergantung apabila kongres itu berhenti rehat selama 11 minggu bermula Rabu.

Usul itu yang diperkenalkan oleh Robert Wexler (Democrat-Florida) mahu Dr Mahathir meminta maaf atau meletak jawatan kerana didakwa mengeluarkan kenyataan anti-Amerika dan anti-Yahudi.

Draf resolusi itu yang setakat ini mendapat sokongan 27 anggota kongres masih belum dibentangkan atau dibincangkan dalam Dewan Perwakilan AS tetapi hanya diedarkan di kalangan anggota.

Difahamkan kalangan anggota diplomatik Malaysia di sini sedang menjalankan usaha untuk memujuk anggota-anggota kongres supaya sama ada menarik balik atau "melembutkan" bahasa dalam resolusi itu.

"Rakan-rakan Malaysia" di Capitol Hill juga sedang diminta supaya bertindak dengan memihak kepada Malaysia, menurut satu sumber yang boleh dipercayai di sini.

Para diplomat di sini telah melahirkan harapan yang Setiausaha Pertahanan AS William Cohen boleh mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Malaysia pada 18 Nov semasa Cohen melakukan lawatan ke Asia Timur.

Bagaimanapun, lawatan itu yang akan membawa Cohen ke China, Korea Selatan, Jepun, Malaysia, Indonesia dan Singapura telah dibatalkan kerana Cohen terpaksa menyelesaikan beberapa perkara mengenai Iraq.

Cohen, bekas senator AS, yang telah menjalin hubungan yang rapat dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, juga mempunyai rakan di Capitol Hill.

Lobi kuat golongan Yahudi yang telah membelanjakan berjuta-juta dollar untuk tabung kempen kongres, tidak mungkin akan membiarkan resolusi itu ditarik balik.

Bagaimanapun seorang pemerhati kongres berkata, resolusi itu berkemungkinan "mati" atau "terbunuh" sebelum ia diperdengarkan pada peringkat jawatankuasa kecil.

Resolusi seperti itu tidak mempunyai kuasa ikatan, ia juga bukannya undang-undang yang boleh dikuatkuasakan, melainkan sekadar mencatatkan sentimen anggota kongres mengenai isu tertentu. -- BERNAMA

SH RHM NMO